

AEON BIG

SEGALANYA **BESAR**

LEBIH BESAR, KEMERIAHAN, LEBIH BESAR MAKNANYA

Imbas Kod QR untuk maklumat lanjut

MYAEONBIG @myaeonbig @myaeonbigofficial <https://aeonbig.com.my/>

KPDN GEMPUR 100 KARTEL



- KPDN menerusi agensinya, Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC) telah mengenakan penalti berjumlah RM570 juta ke atas kira-kira 100 perusahaan yang terlibat dalam aktiviti kartel harga, pasaran, pengeluaran dan tipuan bida sejak 2011, kata Menteri, Datuk Armizan Mohd Ali.
- Bercakap pada program Town Hall Rakyat sempena Karnival Rakyat Karangkraf di Shah Alam, Armizan berkata, sehingga kini terdapat 18 kes lagi masih dalam siasatan termasuk 14 kes melibatkan tipuan bida.
- KPDN katanya, turut menetapkan empat fokus pada 2024 bagi menangani isu kos sara hidup iaitu melibatkan ketangkasan penguatkuasaan, memacu ekonomi domestik, daya upaya pengguna dan Majlis Tindakan Sara Hidup Negara (Naccol).

MUKA 2, 3, 4 & 5



SERBU KARNIVAL RAKYAT...

Orang ramai membanjiri Kompleks Kumpulan Karangkraf di Shah Alam pada Jumaat sempena Karnival Rakyat yang berlangsung hingga Ahad ini.

TAJAJAN SYARIKAT ARAK: KABINET PERTIMBANG KECUALIKAN SEKOLAH VERNAKULAR DENGAN BERSYARAT

8



Lans Koper Alif didakwa, keluarga Nur Farah harap kematian arwah terbela

12

100 kartel kena penalti RM570 juta

KPDN masih siasat 18 kes, kata Armizan

SHAH ALAM

Kira-kira 100 perusahaan yang terlibat dalam aktiviti kartel harga, pasaran, pengeluaran dan tipuan bida yang turut menyumbang kepada kenaikan kos sara hidup, telah dikenakan penalti membabitkan jumlah keseluruhan mencecah RM570 juta sejak penubuhan Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC) pada 2011 hingga tahun ini.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN), Datuk Armizan Mohd Ali berkata, sehingga kini terdapat 18 kes lagi yang masih dalam siasatan KPDN termasuk 14 kes melibatkan tipuan bida.

MyCC merupakan agensi di bawah KPDN.

“Bagi kita itu (kes tipuan bida) cukup penting untuk kita siasat sebab ia merupakan satu bentuk sabotaj kepada agenda kerajaan.

“Ia kerana di bawah pentadbiran Kerajaan Madani, pendekatan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim ialah supaya ditingkatkan perolehan kerajaan dalam bentuk tender terbuka.

“Tetapi bila tender terbuka itu ada tipuan bidaan, iaitu pakatan syarikat-syarikat tertentu untuk memasuki sesuatu tender (kar-

tel), jadi tindakan itu menjatuhkan objektif asal tender terbuka tersebut,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika sesi soal jawab Town Hall Rakyat anjuran *Sinar Harian* di sini.

Town Hall Rakyat yang dihoskan oleh pelakon Fikri Ibrahim merupakan platform interaktif untuk rakyat bersemuka dan bertanya pelbagai isu kepada pemimpin yang diundang.


Terdahulu Armizan merasmikan Karnival Rakyat Karangkraf yang berlangsung sehingga Ahad ini.

Ujar Armizan, kementerian juga sedang membuat kajian untuk meminda akta persaingan dengan menambah satu elemen baharu yang dijangka dilaksanakan tahun ini.

“Kita akan meminda akta persaingan untuk (menambah) satu lagi elemen penting iaitu rejim penggabungan kerana ada juga perusahaan yang melaksanakan pengambilalihan atau penggabungan dengan tujuan monopoli tidak sihat, juga boleh berkesan kepada harga pengguna.

“Ini merupakan satu elemen yang mungkin belum ramai tahu tetapi undang-undang terkait dengan persaingan ini juga merupakan salah satu mekanisme yang diguna kerajaan, yang juga terkait perlindungan kepada pasaran dan pengguna,” ujarnya.

Dalam pada itu, Armizan memberitahu, ketangkasan penguatkuasaan menjadi salah



Armizan (kiri) pada program Town Hall Rakyat anjuran *Sinar Harian* di Shah Alam pada Jumaat.

LAPORAN MUKA DEPAN

satu daripada empat hala tuju yang diberikan tumpuan oleh KPDN menangani isu kos sara hidup pada 2024.

Tiga lagi fokus ialah memacu ekonomi domestik, daya upaya pengguna dan peranan Majlis Tindakan Sara Hidup Negara (Naccol), kata Armizan.

“Tetapi aspek ketangkasan penguatkuasaan adalah penting. KPDN unik bukan hanya sebab jadi kementerian yang ada elemen ekonomi tetapi juga aspek kepenggunaan.

“Walaupun kementerian kita tidaklah sebesar mana hanya

ada tiga agensi namun tanggungjawab cukup besar selain menjadi kementerian yang amat dekat dengan rakyat,” katanya.

Armizan berkata, cabaran KPDN menjadi semakin besar apabila Kerajaan Madani meletakkan kos sara hidup sebagai nama kementerian tersebut.

Mengenai Naccol, kata Armizan, ia akan melaksanakan pendekatan serampang dua mata bagi memastikan pendapatan rakyat dapat ditingkatkan pada masa akan datang sekali gus memastikan rakyat mampu menghadapi situasi kenaikan harga barang.

“Apabila pendapatan rakyat tinggi, mereka boleh menyesuaikan diri dengan keadaan tersebut sekali gus menangani isu sara hidup yang berbangkit.

“Justeru pendekatan Naccol sekarang bukan hanya melihat kepada harga barang dan kos sara hidup tetapi aspek menjana serta meningkatkan pendapatan rakyat,” katanya.

Ahli Parlimen Papar berkenaan juga mengakui tidak pernah menjangkakan beliau akan dipilih menerajui KPDN menggantikan Allahyarham Datuk Seri Salahuddin Ayub kerana baru menjadi ahli Parlimen penggal pertama.

TTPM terima 900 aduan dalam tempoh enam bulan

SHAH ALAM - Rakyat Malaysia perlu memanfaatkan Tribunal Tuntutan Pengguna Malaysia (TTPM) bagi memastikan hak mereka sebagai pengguna terpelihara dan terbelas.

Datuk Armizan Mohd Ali berkata, tribunal tersebut merupakan platform aduan yang mudah, kos efektif dan murah

untuk pengguna sekiranya terdapat isu melibatkan perusahaan atau perniagaan tertentu.

“Namun tidak semua aduan boleh dibawa ke TTPM, ada juga (aduan) yang boleh diselesaikan oleh penguat kuasa KPDN menerusi siasatan dan tindakan lanjut, tidak perlu ke mahkamah.

“Saya harap platform ini dapat diuar-uarkan supaya lebih ramai pengguna tidak berdiam diri sekiranya ada pembelian me-

reka terlibat penipuan dari segi kualiti. Jangan ragu-ragu untuk bawa aduan ke TTPM,” katanya.

Beliau memaklumkan, kira-kira 900 aduan pengguna telah direkodkan TTPM bermula Januari hingga Jun lalu dan jumlah tersebut meningkat berbanding yang direkodkan dua tahun lalu.

Menurutnya pada tahun 2022, hanya kira-kira 500 aduan direkodkan TTPM dan jumlah itu meningkat kepada lebih 900

kes pada 2023.

“Sebagai Menteri KPDN, saya gembira kerana angka menunjukkan ramai rakyat Malaysia telah mempunyai akses untuk menggunakan platform yang disediakan kerajaan.

“Secara tidak langsung mereka ada saluran untuk membuat aduan dan menyelesaikan pertikaian melibatkan perniagaan tertentu, hak mereka sebagai pengguna juga terbelas,” ujarnya.



| NEGERI | SUBUH | SYURUK | ZUHUR | ASAR | MAGHRIB | ISYAK |
|------------------|-------|--------|-------|------|---------|-------|
| PERLIS | 5:59 | 7:13 | 1:28 | 4:49 | 7:39 | 8:53 |
| ALOR SETAR | 6:00 | 7:11 | 1:27 | 4:49 | 7:38 | 8:52 |
| PULAU PINANG | 6:02 | 7:13 | 1:27 | 4:49 | 7:37 | 8:51 |
| IPOH | 6:01 | 7:10 | 1:25 | 4:47 | 7:34 | 8:48 |
| KOTA BHARU | 5:53 | 7:06 | 1:20 | 4:42 | 7:31 | 8:40 |
| KUALA TERENGGANU | 5:51 | 7:03 | 1:16 | 4:38 | 7:26 | 8:40 |

| NEGERI | SUBUH | SYURUK | ZUHUR | ASAR | MAGHRIB | ISYAK |
|--------------------------|-------|--------|-------|------|---------|-------|
| KUANTAN | 5:55 | 7:07 | 1:17 | 4:39 | 7:24 | 8:37 |
| KUALA LUMPUR • PUTRAJAYA | 6:00 | 7:11 | 1:23 | 4:45 | 7:30 | 8:43 |
| SHAH ALAM | 6:00 | 7:11 | 1:23 | 4:45 | 7:30 | 8:43 |
| SEREMBAN | 6:00 | 7:10 | 1:21 | 4:44 | 7:27 | 8:40 |
| BANDAR MELAKA | 5:59 | 7:11 | 1:20 | 4:42 | 7:26 | 8:39 |
| JOHOR BAHRU | 5:54 | 7:06 | 1:14 | 4:36 | 7:19 | 8:32 |

• PENERBIT/KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF (CEO) GRUP SINAR KARANGKRAF: FARAH HUSSAMUDDIN • KETUA PENGARANG KUMPULAN: ZAMRI RAMBLI

• PENGARANG EKSEKUTIF (CETAK): AZMI TARMIZI • PENGARANG EKSEKUTIF (DIGITAL): RUZY ADILA IDRIS • PENGARANG BERITA: JUNHAIRI ALYASA

• TIMBALAN PENGARANG BERITA: BADRULDIN ZAKARIA, ZUKI PILEH, AZLINA MOHAMAD JANTAN, AHMAD SYAHRUL DERAUH, ROSLI HASSAN • KETUA JABATAN IKLAN: AIROL FADLEY LIMIN • PENGARAH KREATIF KANAN: NORAZLAN ISMAIL

• Diterbitkan oleh Sinar Karangkraf Sdn Bhd, No.3, Jln Renggam 15/5, Seksyen 15, 40200 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan. Tel: 03-51017388 Faks: 03-51017333 • Dicitak oleh Ultimate Print Sdn.Bhd., Lot 2, Jln Sepana 15/3, Off Persiaran Selangor, Seksyen 15, 40200 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan. Tel: 03-51013888 Faks: 0351013301 • Tel: 03-51017480 (Unit Langganan Karangkraf Mall) • E-mel: editorsh@sinarharian.com.my

KPDN sedia berunding dengan peniaga

Bagi melaksanakan gerakan kempen 'kurang gula, kurang harga'

Oleh FARHANA ABD KADIR
 SHAH ALAM

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) bersedia untuk membuat rundingan bersama peniaga makanan dan minuman bagi melaksanakan gerakan kempen 'kurang gula, kurang harga'.

Menterinya, Datuk Armizan Mohd Ali berkata, perkara itu penting bagi memastikan penggunaan gula di peringkat nasional dapat dikurangkan demi menjaga kesihatan awam.

Menurutnya, KPDN bersama Kementerian Kewangan telah membentangkan status bekalan dan penggunaan gula dalam negara bagi melaksanakan kempen tersebut di peringkat nasional diketuai oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM).

"Kita akan runding dan bincang bagaimana gerakan itu dapat dilaksanakan. KPDN perlu bergerak atas arahan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim yang melihat kepada kadar penggunaan gula yang cukup tinggi di Malaysia.

"Kalau mengikut per kapita setahun seseorang menggunakan 52 kilogram gula berdasarkan kepada perbekalan dan peningkatan kes obesiti serta diabetes.

"Semalam (Khamis) KPDN dan MOF telah bentangkan kepada Perdana Menteri tentang status bekalan dan penggunaan



Armizan memukul gong sebagai simbolik perasmian Karnival Rakyat Karangkraf. Turut serta Firdaus (dua dari kiri), Farah (kanan) dan Zamri (kiri).

gula. Perdana Menteri telah mengarahkan supaya KKM melaksanakan kempen besar-besaran di peringkat nasional," katanya.

Beliau berkata demikian dalam sidang akhbar selepas program Town Hall Rakyat sempena Karnival Rakyat Karangkraf di Kompleks Kumpulan Karangkraf pada Jumaat.

Terdahulu Armizan merasmikan Karnival Rakyat Karangkraf dengan memukul gong sebagai simbolik perasmian.

Turut hadir Pengerusi Kumpulan Media Karangkraf, Firdaus Hussamuddin; Ketua Pegawai Eksekutif Group Sinar Karangkraf, Farah Hussamuddin dan Ketua Pengarang Kumpulan *Sinar Harian*, Zamri Rambli.

Sebelum ini, kempen 'kurang gula, kurang harga' akan diperkenalkan bagi meningkatkan kesedaran rakyat Malaysia mengenai kepentingan amalan pemakanan sihat melalui

pengurangan pengambilan gula dalam diet harian.

Dalam pada itu, Armizan berkata, persepsi orang ramai bahawa kerajaan memansuhkan subsidi diesel perlu diperbetulkan ekoran ia sama sekali tidak tepat dan tersasar.

Menurutnya, subsidi tersebut disasarkan semula bagi menangani isu ketirisan yang berlaku sekian lama sejak pendekatan subsidi pukal diguna pakai.

"Perlu dijelaskan apa asas dan rasional kepada agenda penyasaran subsidi. Ia adalah bantuan intervensi dari kerajaan untuk membantu golongan memerlukan.

"Subsidi diesel kini disalurkan secara bersasar melalui dua kaedah, membabitkan subsidi harga runcit di stesen minyak kepada 33 jenis pengangkutan awam dan barangan melalui Sistem Kawalan Diesel Bersubsidi," katanya.

Perlu patuh peraturan baharu ditetapkan KPDN

SHAH ALAM - Syarikat pembungkusan semula minyak masak subsidi perlu patuh peraturan baharu yang telah ditetapkan oleh Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN).

Menterinya, Datuk Armizan Mohd Ali berkata, pihaknya akan menentukan destinasi penghantaran minyak masak subsidi yang sebelum ini ditentukan oleh syarikat tersebut berdasarkan permintaan.

Menurutnya, KPDN akan mengambil alih penentuan lokasi penghantaran bagi memastikan bekalan minyak masak subsidi sampai ke tempat yang betul dan memenuhi keperluan sebenar.

"Dulu syarikat-syarikat pembungkusan semula bebas mengedarkan minyak masak subsidi ke mana-mana berdasarkan permintaan. Namun, setelah audit terbaru, KPDN telah memulakan intervensi dengan segera.

"Sekarang, KPDN yang akan menentukan lokasi penghantaran untuk pasar raya dan kedai runcit bukan lagi syarikat-syarikat tersebut. Kami akan menyediakan senarai lokasi yang diperlukan dan jika syarikat tidak mematuhi arahan ini, kuota mereka akan ditarik balik.

"Kami tidak akan bertolak ansur dengan sebarang ketidakpatuhan dan akan memastikan bekalan sampai ke golongan yang memerlukannya," katanya dalam sidang akhbar selepas program Town Hall Rakyat sempena Karnival Rakyat Karangkraf di sini pada Jumaat.

Karnival Rakyat Karangkraf cerminan kekayaan, kepelbagaian masyarakat



Firdaus ketika berucap di majlis perasmian Karnival Rakyat Karangkraf, pada Jumaat.

SHAH ALAM - Karnival Rakyat Karangkraf yang berlangsung tiga hari bermula Jumaat mencerminkan kekayaan dan kepelbagaian kaum di negara ini.

Berucap di majlis perasmian, Pengerusi Kumpulan Media Karangkraf, Firdaus Hussamuddin berkata, karnival tahunan itu menjadi platform mengangkat dan menghargai warisan serta budaya tempatan yang unik.

"Penganjuran Karnival Rakyat anjuran *Sinar Harian* dan *Karangkraf* kali ini bukan sahaja mengamit nostalgia dan kenangan mengusik jiwa, bahkan memperkukuhkan identiti serta jati diri kita sebagai rakyat Malaysia," katanya di sini pada Jumaat.

Ujarnya, karnival itu menghimpunkan sebanyak mungkin acara, mengangkat citra budaya antaranya pelbagai permainan rakyat, tarian tradisional, dikir barat, gamelan, tarian singa, beca, syair dan macam-macam lagi.

"Semua ini adalah cerminan kekayaan dan kepelbagaian masyarakat Malaysia. Atas tema

rakyat itu jugalah, kita merasakan individu dan kementerian terbaik untuk bersama-sama kita pada karnival ini tidak lain dan tidak bukan iaitu Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) sendiri," katanya.

Firdaus berkata, KPDN merupakan antara kementerian yang rapat dengan rakyat terutamanya peranan pentingnya membantu rakyat dalam konteks ekonomi dan kesejahteraan sosial.

"Saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada Menteri KPDN, Datuk Armizan Mohd Ali kerana bersetuju membawakan Jualan Rahmah Madani sepanjang tiga hari karnival dengan tarikan utamanya 'jualan barang harian tidak masuk akal', malah ada harga paling istimewa pada 'happy hours'," katanya.

Armizan turut meluangkan masa ke reruai pamperan termasuk Jualan Rahmah Madani dengan mengumumkan harga istimewa barangan keperluan yang dijual.

EK ELEH

Suhamak BANTAH HUKUMAN GANTUNG enam pesalah bunuh Zulfarhan.

Kalau nak cerita hak asasi, MANA HAK ARWAH Zulfarhan membela diri?

